

28 JUL 1996
PM-Kerja
DR MAHATHIR KEMBALI BERTUGAS ESOK

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka kembali bertugas semula esok selepas berehat kerana mengidap selsema empat hari lepas, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"InsyaAllah Perdana Menteri akan bertugas semula esok," Anwar memberitahu pemberita selepas menghadiri sambutan Maulidur Rasul di Stadium Negara di sini.

Anwar ditanya pemberita mengenai keadaan Perdana Menteri yang tidak hadir pada majlis itu selepas Timbalan Perdana Menteri mengiringi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar untuk menaiki kereta meninggalkan majlis.

Apabila pemberita memberitahu Anwar yang rakyat bimbang tentang kesihatan Perdana Menteri, Anwar berkata: "mereka tidak perlu bimbang."

Esok Dr Mahathir dijadualkan berada di Langkawi untuk merasmikan Rumah Penginapan Persekutuan/Negeri pada sebelah pagi dan merasmikan hotel Sheraton Perdana di pekan Kuah pada tengah hari.

Pada sebelah malam Dr Mahathir dijadualkan menyampaikan ucapan dasar pada Dialog Antarabangsa Langkawi Bagi "Perkongsian Bijak" di Berjaya Beach Resort, Teluk Burau.

Sementara itu seorang pegawai Jabatan Perdana Menteri berkata Dr Mahathir sudah sihat seperti biasa dan mahu kembali bertugas tetapi beliau dinasihatkan supaya berehat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman yang juga ditanya pemberita pada majlis yang sama tentang keadaan Dr Mahathir berkata Perdana Menteri kini berehat di rumah dan kesihatannya tidak perlu dibimbangkan.

"Beliau tidak apa-apa. Usahlah bimbang", tambahnya. -- BERNAMA
HT RN OBA